| | | | |
|---|---|---|---|
| **Kod Modul:** | LB-2405 | | |
| **Tajuk Modul:** | Kemahiran Komunikasi Strategik | | |
| **Jenis Modul:** | Breadth | | |
| **Kredit Modul:** | 4 | **Beban Tugas:**<br>**Jam Pertemuan:** | 8 jam seminggu<br>4 jam seminggu |
| **Pra-syarat:** | Menguasai Bahasa Melayu | | |

**Tujuan/Objektif/Rasional:**

- Membolehkan pelajar menguasai beberapa kemahiran komunikasi interpersonal yang praktikal dan perlu dimiliki ketika di universiti dan di tempat kerja nanti.

- Melatih pelajar agar dapat menerapkan dan menggunakan pelbagai kaedah dan teknik yang mereka pelajari, iaitu mengulas dan menggabungkan kandungan-kandungan dokumen, menjalankan projek, menyampaikan informasi, memberi idea, dan menyelesaikan masalah dengan bijak dan berkualiti.

**Isi Modul:**

Kursus inovatif ini akan menghimpunkan kemahiran-kemahiran komunikasi strategik yang akan membolehkan pelajar menggilap potensi-potensi mereka dalam lingkungan pengajian dan tempat kerja.

**Kemahiran teras untuk pembelajaran di universiti ialah:** bertanya soalan-soalan yang relevan, mengemukakan pendapat, dan menjawab hujah-hujah orang lain, menyampaikan hujah yang meyakinkan, mengulas dan menggabungkan pelbagai sumber, menyelesaikan masalah berkumpulan, dan menyusun sebuah penulisan tertentu.

**Kemahiran teras di tempat kerja pula ialah:** membina kemahiran interpersonal yang sesuai, mengarah atau melaksanakan arahan, membincangkan prosedur-prosedur, memahami prosedur-prosedur mesyuarat dan memberikan sumbangan yang bernas, membina instrumen-instrumen kaji selidik yang berkesan, dan menulis laporan yang baik. Kemahiran mendengar dan bertutur diberikan keutamaan dalam bidang-bidang di atas dan akan menjadi pengikat penting pada keseluruhan kursus ini.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Penilaian** | **Peperiksaan (2 jam) :** | **50%** | **Penilaian berterusan:** | **50%** |
| | | | Pendengaran/mengambil nota | *10%* |
| | | | Dapatan Semula Maklumat | *10%* |
| | | | Penulisan Berstruktur | *10%* |
| | | | Komunikasi Interpersonal | *10%* |
| | | | Penyampaian Bertutur | *10%* |

**Textbook(s)/References:**

Note: Specially created/collated materials